



KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK

2/116/2019

01 APRIL 2019

FATWA BERKENAAN HUKUM PEMBAYARAN ZAKAT SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-116/2019 yang bersidang pada 01 April 2019 telah memutuskan bahawa:

1. **BERSETUJU** mengenai Hukum Pembayaran Zakat Secara Atas Talian (Online).¹

¹ 1. Definisi Akad

- Hukum menegnai transaksi zakat secara atas talian tidak dibincangkan secara khusus oleh sarjana fiqh pada masa lalu. Pada hari ini, telah timbul persoalan mengenai kesahihan akad zakat secara atas talian. Oleh itu, perlu untuk kembali kepada konsep akad di dalam fiqh.
- Akad dari segi bahasa bermaksud ikatan, simpulan, perjanjian dan jaminan. Manakala dari segi istilah membawa makna yang umum dan khusus.
 - **Makna umum** merangkumi akad jual beli atau pertukaran pemilikan, nikah, sumpah, nazar dan perjanjian damai.
 - **Makna khusus** bermaksud ikatan antara pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi dengan berlakunya ijab (penawaran) dan qabul (penerimaan) yang membawa implikasi syarak.

(Lihat al-Ta'rifat, 129 dan Mausu'ah Fiqhiyyah, 30/198)

2. Hujah-Hujah Dan Dalil-Dalil

- a) Persoalan mengenai transaksi atas talian ini berkait secara khusus mengenai perbincangan para ulamak mengenai transaksi melalui penulisan (al-Ta'aqud bi al-Kitabah). Para ulamak telah berbeza pandangan mengenai kesahihan transaksi melalui penulisan.

i. Pandangan Pertama

Transaksi secara penulisan merupakan akad yang sah secara mutlak sama ada kedua-duanya bertemu atau tidak. Ini merupakan pendapat jumhur

fuqaha' Malikiyah, Hanabilah dan sebahagian Syafi'iyah. Namun dikecualikan dalam akad nikah kerana ianya mempunyai syarat khusus yang tersendiri.

(Rujuk Bulghah al-Salik, 2/17; al-Dusuqi, 3/3; Hasyiah al-Sawi 'ala al-Syarh al-Saghir, 2/166 dan al-Mughni, 7/239)

ii. Pandangan Kedua

Transaksi melalui penulisan tidak berlaku melainkan bagi mereka yang tidak berupaya untuk bertransaksi melalui pertuturan. Ini merupakan pendapat di sisi mazhab Ibadhiyah, rajih di sisi mazhab Imamiyah, satu wajah dalam Syafi'iyah dan satu pendapat dalam mazhab Zaidiyah.

(Rujuk Syarai' al-Islam, 2/8; al-Majmu', 9/167; al-Raudhah, 8/39 dan al-Bahr al-Zakhar, 4/26)

iii. Pandangan Ketiga

Transaksi secara penulisan sah sekiranya kedua-dua pihak tidak bertemu antara satu sama lain. Namun begitu, sekiranya kedua-duanya bertemu, maka tidak perlu lagi transaksi secara penulisan kerana pertuturan didahulukan dan lebih kuat berbanding penulisan. Pendapat ini merupakan yang zahir di sisi mazhab Hanafiyah.

(Rujuk Syarh al-Inayah, 5/79 dan al-Fatwa al-Hindiyah, 3/9)

b) Perbincangan hukum pembayaran zakat secara atas talian (online) dengan syarat sah ibadah zakat

i. Niat

- Ulama bersepatat bahawa niat adalah syarat sah ibadat zakat. Sabda Nabi s.a.w.:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Maksudnya: "Sesungguhnya setiap amalan (tergantung) kepada niat."

(Riwayat al-Bukhari, 1 dan Muslim, 1907)

- Menurut pandangan Mazhab Syafi'e, niat adalah wajib dengan hati dan tidak disyaratkan untuk dilafazkan.
- Dalam masalah berkaitan dengan zakat secara atas talian, isu niat dianggap selesai dengan perbuatan pembayar (muzakki) memindahkan wangnya menerusi transaksi atau kemudahan atas talian berdasarkan arahan yang diberikan menekan butang atau ikon khas yang terdapat dalam laman sesawang atau aplikasi atas talian.

ii. Pindah milik (al-Tamlik)

- Keabsahan pemberian zakat adalah dengan disyaratkan berlakunya proses memberi milik, iaitu dengan cara diberi kepada orang yang berhak (mustahiq). Tidak memadai (tidak sah) dengan hanya memberi

zakat dalam bentuk kegunaan sementara (ibahah). Hal ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t.:

وَأْتُوا الزَّكَاةَ

Maksudnya: “Dan berikanlah zakat.”

(Surah al-Baqarah: 43)

Maksud pemberian adalah dengan erti pemilikan.

- Pindah milik berlaku setelah selesai transaksi pembayaran zakat secara atas talian sama ada secara langsung atau dalam tempoh yang ditetapkan.

c) Syarat penerimaan transaksi secara elektronik berkaitan dengan beberapa keadaan:

i. Waktu Ijab dan Qabul Menerusi Transaksi Elektronik

• Waktu Transaksi Akad Secara Langsung

- Waktu akad antara dua pihak berlaku secara sempurna; atau
- Transaksi antara dua pihak berlaku dalam satu majlis akad sama ada secara berhadapan atau berjauhan meskipun di tempat yang berlainan.
- Sempurnanya akad adalah dengan cara menekan butang atau ikon khas. Ini bermaksud transaksi itu telah dipersetujui dan dilakukan dalam keadaan sedar secara pilihan dan bukan secara kesilapan atau dalam keadaan tidak sedar dan seumpamanya.

• Waktu Transaksi Akad Secara Tidak Langsung

- Keadaan ini berlaku dalam keadaan pihak yang berakad menggunakan kaedah menerusi email atau seumpamanya di mana Ijab dan Qabul tidak berlaku pada satu masa dan majlis akad. Penerimaan (Qabul) berlaku apabila pihak yang terbabit melihat isi kandungan surat atau bukti transaksi yang dihantar melalui email tersebut dan bersetuju dengannya.

ii. Persetujuan Antara Ijab dan Qabul

- Proses pengesahan dan persetujuan antara kedua transaksi Ijab dan Qabul dalam akad secara elektronik adalah sama seperti akad-akad lain dalam perbincangan fiqh selagimana memenuhi syarat utama iaitu:
 - Setiap isi kandungan perjanjian atau butiran transaksi adalah sama dan tidak berbeza antara satu pihak dengan yang lain ketika berlakunya proses Ijab dan Qabul.

d) Kaedah Fiqh Berkaitan Transaksi Secara Online

- **Penulisan adalah sama seperti percakapan (الكتاب كالخطاب)**
 - Jumhur ulamak dari kalangan Hanafiyyah, Malikiyyah dan Hanabilah berpandangan keharusan mutlak untuk menyatakan hasrat, menjalankan urusan antara dua pihak atau memetriai akad secara bertulis sama ada:
 - Kedua pihak hadir di majlis yang sama atau tidak;
 - Boleh berbicara atau tidak; atau
 - Berbeza antara akad Ijab dan Qabul sama ada salah satunya dengan lafaz dan lainnya dengan bentuk bertulis.
 - Pandangan kedua adalah transaksi secara bertulis tidak sah untuk memetriai akad kecuali kepada mereka yang tidak mampu bertutur atau berbicara. Ini adalah pandangan yang paling digunapakai dalam mazhab Syafi'e.
(Lihat al-Nawawi, al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, 201)
 - Pandangan ketiga menyatakan sah berakad menerusi penulisan secara mutlak jika kedua pihak yang berinteraksi tiada di maklis akad. Ini adalah pandangan zahir dari mazhab Hanafi, satu pandangan khusus dari mazhab Syafi'e dan pandangan yang masyhur dari mazhab Hanbali.
(Lihat Hasyiah Ibn 'Abidin, 26-27 dan al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'e, 342)
 - Oleh itu, kaedah yang sesuai dengan keadaan semasa kini adalah pandangan jumhur ulamak kerana ianya lebih rasional dan wajar diamalkan dalam hal transaksi secara atas talian (Online) berdasarkan kaedah fiqh di atas.
- **Semua wasilah atau cara, baginya hukum berdasarkan matlamat yang hendak dicapai (الوسائل لها حكم الغايات أو المقاصد)**
 - Sekiranya maksud yang hendak dicapai adalah buruk dan jahat, maka sebarang bentuk cara atau wasilah adalah ditegah. Sekiranya maksud yang hendak dicapai adalah baik tetapi dengan menggunakan wasilah atau cara yang tidak baik juga ditegah.
 - Menunaikan ibadah zakat yang merupakan salah satu dari rukun Islam yang utama adalah maqasid (tujuan) terbesar dari aspek pemeliharaan agama. Oleh itu, wasilah yang memudahkan dan mampu mencapai maksud penunaian ibadah zakat.
 - Transaksi pembayaran zakat secara atas talian dan penggunaan teknologi terkini adalah bertepatan dengan kaedah ini.

Bertarikh 01 April 2019
MJKPHSWP Kali ke 116/2019

DATUK DR ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI
Pengerusi
Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak
Wilayah Persekutuan



-
- **Perkara yang diambil kira di dalam akad-akad adalah maksud dan makna yang ingin dicapai, bukan bentuk-bentuk dan lafaz-lafaznya. (العبرة في العقود للمقاصد والمعاني لا للألفاظ والمباني)**
 - Kaedah ini digunapakai oleh keempat-empat mazhab, terutama fuqaha' dari mazhab Hanafi dan Maliki walaupun terdapat perbezaan dari sudut aplikasinya dalam masalah-masalah furu'.
 - Kaedah ini dianggap sebagai satu cabang (juzu') dari kaedah umum (kulli) yang disepakati iaitu "Setiap perkara tertakluk kepada tujuan atau niat yang ingin dicapai" (**الأمور بمقاصدها**)
 - Fuqaha' Syafi'iyah berbeza pandangan terhadap kaedah ini, namun secara ghalibnya mereka mengutamakan maksud dan tujuan yang hendak dicapai dalam permasalahan akad.
 - Berdasarkan kaedah ini, transaksi zakat yang hanya memerlukan kepada niat dan pindah milik telah dianggap sah dan selesai dengan menggunakan kemudahan menerusi atas talian apabila pembayaran selesai dilakukan.